

**Nik Abduh sambut baik kerjasama dengan Umno, lapor akhbar  
Malaysian Insider  
Dec 14, 2015**

Ketua Pemuda PAS Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz menyambut baik cadangan Datuk Seri Najib Razak selaku presiden Umno yang menawarkan jalinan silaturahmi antara parti Melayu itu dan parti Islam itu, menurut Utusan Malaysia hari ini.

Nik Abduh dilaporkan berkata, PAS sedia bersama dengan kerajaan dalam hal menegakkan ajaran Islam sebenar dan ia membuka lembaran baru politik negara apabila kerajaan bersedia menerima pandangan daripada parti pembangkang demi kebaikan umat Islam negara ini.

"Kita menerima apa yang disebut perdana menteri kerana selama ini kita berada dalam padang politik yang tidak adil apabila cadangan pembangkang ditolak mentah-mentah kerana merasakan sudah cukup untuk mereka sahaja memerintah," beliau dipetik berkata akhbar milik Umno itu.

Bagaimanapun, beliau menegaskan kerjasama bersama Umno tidak akan mewujudkan blok politik baharu kerana PAS akan kekal sebagai pembangkang.

Namun, katanya, PAS bersedia menjadi pengkritik atau pencadang kepada sistem pemerintahan kerajaan agar kelemahan yang ada dapat diperbaiki.

Najib sebelum ini dalam ucapan dasar presidennya pada Perhimpunan Agung Umno mengajak PAS bersama-sama membina dan membangunkan negara yang sempurna mengikut syariat Islam.

Ia mendapat reaksi positif daripada kalangan pemimpin Umno sendiri di mana pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata kerjasama antara 2 parti tersebut sebenarnya terjalin secara tidak langsung sejak 2 tahun lalu. – 14 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nik-abduh-sambut-baik-kerjasama-dengan-umno-lapor-akhbar>